

Buku *Jambatan Bangkok* diedarkan hari ini

Oleh WAN SYAMSUL AMLY

KUALA LUMPUR 30 Julai - Orang ramai boleh mendapatkan buku *Jambatan Bangkok* yang menjelaskan mengenai keputusan kerajaan berhubung pembatalan pembinaan Jambatan Bangkok menggantikan tambak Johor, secara percuma di semua Jabatan Penerangan negeri, mulai esok.

Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ah-

mad Zahid Hamidi berkata, buku itu sudah dihantar ke setiap Jabatan Penerangan negeri dan hanya menunggu masa untuk diedarkan.

"Sebanyak 100,000 naskhah sudah dicetak meliputi 50,000 naskhah bersaiz buku manakala selebihnya dalam bentuk mini.

"Buku ini diharap dapat memuaskan hati rakyat Malaysia yang menunggu laporan lengkap isu Jambatan Bangkok," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Kembara Merdeka Jalur Gemilang 2006 (KMJG) 2006, di Menara Kuala

Lumpur, di sini hari ini.

KMJG 2006 dianjurkan oleh Kementerian Penerangan dan Gabungan Persatuan Superbikers Malaysia (S.A.M) bagi menyemarakkan lagi sambutan Hari Kebangsaan ke-49 pada 31 Ogos ini.

KMJG melibatkan penjelajahan konvoi disertai lebih 365 peserta dengan 267 kenderaan termasuk kenderaan pacuan empat roda (4WD) selain motosikal berkuasa tinggi.

Konvoi selama 15 hari itu yang akan

bermula di Wisma Belia di sini pada 17 Ogos depan akan merentasi Semenanjung, Sabah dan Sarawak sebelum berakhir secara serentak di sini pada 31 Ogos ini.

Menurut Ahmad Zahid, Pengetua Akademi Fantasia 4 (AF4), Ramli Sarip dipilih untuk menjadi duta KMJG 2006.

"Masyarakat Malaysia diminta memberi sokongan dan menunjukkan semangat patriotik dengan mengibarkan Jalur Gemilang semasa konvoi tiba di lokasi hentian KMJG," ujarnya.